

DBKL ambil 120 sampel makanan

(25.03.2023) merr, p20

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengambil 120 sampel makanan secara rawak di 62 bazar Ramadan di seluruh ibu negara bagi memastikan makanan dijual tidak tercemar sekali gus menjamin keselamatan dan kesihatan warga kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata sampel makanan tersebut akan diambil secara berjadual setiap hari untuk dihantar ke Pusat Analisis dan Sekuriti Makanan DBKL (FoSAC).

Beliau berkata pengambiln sampel juga akan dilaksanakan sekiranya terdapat aduan atau kes ke-

racunan makanan.

"Sekiranya terdapat sebarang pencemaran, kompaun akan dikeluarkan dan menyenarai hitamkan penjaja terbabit serta tidak dibenarkan mendapat lesen bazar Ramadan tahun depan," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Makanan Bazar Ramadan 2023 di Tasik Permaisuri, kelmarin.

Beliau berkata tindakan itu adalah di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Petempatan Makanan 2016, UUK Pengendali Makanan 1979, Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.